

**PARLIMEN: Pencarian Anak Angkat Sumbang Kes Pemerdagangan Bayi
Bernama
10 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Perbuatan membeli bayi untuk dijadikan anak angkat oleh pasangan yang sukar mendapat zuriat merupakan antara punca berlakunya kes pemerdagangan bayi di negara ini, Dewan Rakyat diberitahu Rabu.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat Datuk Heng Seai Kie berkata, faktor lain yang menyumbang kepada penjualan bayi ialah akibat kemiskinan atau hutang, kelahiran anak luar nikah serta pihak yang sengaja memerdagangkan bayi untuk mengaut keuntungan.

Heng berkata statistik menunjukkan 32 kes pemerdagangan bayi direkodkan di seluruh negara sejak 2010 membabitkan 13 kes pada 2010, 2011 (11 kes) dan lapan sehingga Julai tahun ini.

Antara langkah yang diambil pihaknya untuk mengelak kes seumpama itu berterusan ialah memperkenalkan proses permohonan mengambil anak angkat menerusi talian.

"Menyedari keinginan ibu bapa yang tidak berzuriat mengambil anak angkat, kerajaan mempermudah (proses itu) bagi mereka yang berminat," katanya menjawab soalan lisan Tan Ah Eng (BN-Gelang Patah) berhubung langkah kerajaan mencegah penjualan bayi.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700895>